

23/05/1998

8,500 hadapi kemungkinan gulung tikar

Rasid Rahaman

SHAH ALAM, Jumaat - Kira-kira 8,500 atau 50 peratus daripada 17,000 kontraktor Bumiputera yang juga ahli Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia dijangka gulung tikar jika kegawatan ekonomi negara berterusan sehingga akhir tahun depan.

Ini tidak termasuk 30 peratus kontraktor Bumiputera yang tidak mendapat sebarang projek dan 20 peratus lagi yang mendapat projek tetapi menghadapi masalah untuk meneruskan projek berkenaan.

Setiausaha Agung Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia, Senator Rosli Mat Hassan, berkata maklumat itu diperolehi daripada hasil kajian ke atas kegawatan ekonomi negara yang dijalankan oleh persatuan itu baru-baru ini.

"Walaupun hasil kajian itu menunjukkan 90 peratus ahli persatuan itu yakin kerajaan melalui kepemimpinan negara sekarang dapat menangani kegawatan ekonomi, mereka tetap bimbang jika masalah itu berterusan.

"Ini kerana jika kegawatan ekonomi negara berterusan dalam tempoh dua tahun, kira-kira 50 peratus daripada 17,000 kontraktor Bumiputera akan gulung tikar selain 30 peratus tidak mendapat projek dan 20 peratus lagi menghadapi masalah walaupun mendapat projek," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas Menteri Besar Selangor, Datuk Abu Hassan Omar, merasmikan mesyuarat agong kali ke-12 Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia cawangan Selangor di sini, hari ini.

Sehubungan itu, katanya, persatuan itu akan menyerahkan hasil kajian itu kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, dengan harapan pandangan itu dapat membantu memulihkan ekonomi negara.

"Hasil kajian itu akan diserahkan oleh Yang Dipertua Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia, Roslan Awang Chik kepada Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri, bulan depan," katanya.

Dalam pada itu, kata Rosli, persatuan itu akan terus memberi sokongan padu kepada kerajaan dalam usaha menangani kegawatan ekonomi negara dan berharap masalah itu dapat dipulihkan secepat mungkin.

Ditanya langkah yang dijalankan oleh persatuan untuk menyelamatkan ahlinya daripada gulung tikar, beliau berkata, kontraktor Kelas E, D dan F disarankan menceburi bidang lain seperti sektor pertanian, vendor dan francais.

"Setakat ini, maklumat balas yang kita terima menunjukkan kontraktor Kelas E, D dan F bersedia mengubah haluan masing-masing sehingga ekonomi negara pulih.

"Selain itu, kontraktor Bumiputera Kelas A dan B yang dianggap matang turut bersedia mengubah haluan mereka daripada menumpukan projek yang disediakan oleh kerajaan atau pihak swasta," katanya.

(END)